

10/05/2003

MLVK tidak boleh jadi eksperimen kerajaan

Pengajar Program MLVK

MALAYSIA berkembang pesat dan semakin maju dalam era ekonomi berasaskan pengetahuan. Pelbagai program akademik diwujudkan dari semasa ke semasa, manakala pusat pengajian tumbuh ibarat cendawan selepas hujan.

Selaku salah seorang tenaga pengajar bagi program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) anjuran Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK), saya ingin menyuarakan pandangan, kritikan serta saranan kepada semua pihak yang berkaitan bagi menyelesaikan isu yang dilihat semakin meruncing.

Tujuan saya bukan untuk menjatuh atau merendah-rendahkan martabat mana-

mana pihak, tetapi sekadar melontarkan pendapat serta kritikan membina yang perlu diterima secara positif dan dinilai secara rasional.

Saya berpandangan bahawa program anjuran MLVK ini perlu dipertahan dan diteruskan. Ini kerana ia menawarkan satu sistem pembelajaran berasaskan keterampilan yang pastinya akan dapat melahirkan lebih ramai lagi pekerja

mahir yang mampu menyumbang kepada pembangunan pesat negara.

Kewangan adalah isu hangat yang semakin mendapat perhatian ramai. Kegagalan Tabung Pembangunan Kemahiran (TPK) untuk mengeluarkan pinjaman kepada pelatih SKM menyebabkan bebanan dan tekanan yang cukup berat kepada

pengusaha pusat bertauliah MLVK serta pelatih.

Akibatnya timbul pelbagai masalah lain seperti pengusaha terpaksa menggunakan khidmat ceti haram atau along dan pelatih yang terpaksa menanggung pembelajaran. Tidak kurang pusat yang terpaksa gulung tikar kerana tidak mampu lagi menanggung kos yang membebankan.

Alasan yang diberikan oleh TPK bahawa pemprosesan permohonan pinjaman mengambil masa lama. Ini antaranya kerana kurang kakitangan, suatu alasan

yang sukar diterima.

MLVK ditubuhkan pada Mei 1989, yang bermakna usianya kini menjangkau 14

tahun.

Sebuah organisasi yang sudah tertubuh begitu lama, seharusnya mempunyai

sistem pengurusan lancar dan berkesan.

Dari segi kuantiti pekerja pula, rakyat negara ini sendiri sedia maklum

bahawa kini ada berpuluh-puluh ribu lepasan universiti yang menganggur.

Disebabkan fakta itu, maka alasan yang diberikan oleh TPK sukar diterima.

MLVK sepatutnya tiada alasan untuk tidak memanfaatkan tenaga kerja yang

ada agar dapat melancarkan proses pengurusan pinjaman TPK. Mereka seharusnya sedar bahawa berjanji melalui Piagam Pelanggan untuk memberi layanan mesra dan perkhidmatan cekap.

Adakah tunggakan pinjaman yang mencecah RM200 juta boleh kita klasifikasikan sebagai petunjuk kepada perkhidmatan cekap?

Jumlah RM200 juta itu begitu besar. Bayangkan kesan teruk yang

dihadapi

oleh pelbagai pihak akibat tunggakan terlalu besar.

Kesan paling nyata pastinya dirasakan oleh pelatih. Mereka walaupun tidak perlu mengeluarkan wang untuk membayar yuran, namun tetap memerlukan

wang pinjaman untuk sara hidup.

Hal ini, terutama untuk pelajar asrama. Selain itu, mereka memerlukan wang untuk perbelanjaan menyiapkan tugas.

Apabila pusat latihan terjejas akibat ketiadaan sumber kewangan kukuh, maka secara langsung pelatih terjejas.

Bagi sebuah pusat latihan yang ditauliahkan untuk menjalankan kursus teknologi maklumat contohnya, pembelian serta penyelenggaraan komputer memerlukan perbelanjaan besar. Apabila mereka tidak mampu untuk menyelenggara kemudahan, maka tenaga pengajar akan menghadapi kesukaran dalam mengajar. Ini kerana program MLVK berasaskan ketrampilan. Ini bermakna bahawa pelatih perlu menguasai teori dan mencungkil kemahiran menerusi latihan. Bagaimana hendak menjalankan latihan sedangkan kemudahan

tidak mencukupi?

Baru-baru ini, sebuah pusat latihan bertauliah MLVK terpaksa ditangguhkan operasinya untuk satu hari apabila bekalan elektrik dipotong

akibat kegagalan menjelaskan bil tertunggak.

Cukup malang kerana pusat itu menjalankan kursus berkaitan teknologi maklumat.

Adakah senario pendidikan seperti ini yang kita harap akan dapat melahirkan pekerja berkemahiran suatu hari kelak?

Pusat latihan tambah tertekan kerana hampir saban hari pelatih dan ibu bapa meluahkan rasa kecewa dan tidak puas hati mereka. Seandainya kerajaan

tidak mengambil langkah drastik untuk menangani permasalahan ini, maka imej dan reputasi kerajaan akan bertambah buruk.

Ini kerana bukan kali pertama kerajaan gagal melaksanakan sesuatu perancangan itu dengan berkesan.

Fenomena sebegini tidak boleh dibiarkan. Adalah sesuatu yang amat merugikan, seandainya sistem latihan program MLVK yang cukup mantap ini tidak diurus dengan sistem pengurusan sistematik dan lancar. Begitu ramai

pihak yang menyuarakan keprihatinan mereka terhadap isu ini. Ini membuktikan bahawa program MLVK bukanlah sesuatu yang boleh dijadikan bahan eksperimen kerajaan.

Langkah Pemuda Umno dan Majlis Belia Malaysia mengadakan perjumpaan dengan pengusaha pusat latihan MLVK dilihat sebagai langkah baik ke arah menyelesaikan masalah ini, terutama kewangan.

Saya menyarankan agar Menteri Kewangan yang juga Perdana Menteri, Datuk

Seri Dr Mahathir Mohamad campur tangan dalam hal ini agar kesulitan yang timbul dapat dileraikan.

Selain itu, saya meminta semua pihak sama ada MLVK, pengusaha pusat latihan, tenaga pengajar atau pelatih bersama menggembleng usaha untuk menyelesaikan konflik ini.

Biarlah sebarang kritikan kita adalah membina yang lahir daripada perasaan ingin membaiki. Janganlah kita saling salah menyalah dan mengkritik atas dasar emosi kerana itu hanya akan memburukkan lagi

keadaan.

Kesulitan yang kita hadapi sekarang ini, seandainya dapat diselesaikan, pasti akan menjadikan program MLVK sebagai program pendidikan paling berprestij suatu hari kelak. Sekali gus, program itu dapat menyumbang tenaga berkemahiran yang secara langsung akan mengemudi pembangunan negara ke arah mencapai taraf negara maju.

PENGAJAR PROGRAM MLVK,
Kuching, Sarawak.